

PROGRAM PASCASISWAZAH DI INSTITUT KAJIAN BENCANA ASIA TENGGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (SEADPRI-UKM)

A. Pengenalan

SEADPRI ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan dan memberi khidmat nasihat dalam bidang bencana khususnya di rantau Asia Tenggara, dengan menyediakan platform teknologi baru dalam penyelidikan rentas disiplin, multidisiplin dan antara disiplin dalam memahami dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan bencana. Penyelidikan yang dijalankan di SEADPRI berupaya membangunkan satu sistem dan teknologi baru bagi mendalami pengetahuan tentang proses-proses yang berlaku berkaitan dengan bencana.

Objektif penubuhan SEADPRI adalah untuk:

- Menjadi pusat penyelidikan terfokus bagi mengembang ilmu dalam bidang bencana iklim, bencana geologi dan bencana teknologi di peringkat kebangsaan dan rantau Asia Tenggara.
- Menjadi pusat penyelidikan multidisiplin dalam pengurusan bencana khususnya dalam konteks dasar, governans dan pencegahan bencana serta respons pasca-bencana.
- Membangunkan modal insan mahir untuk menangani isu bencana bagi pihak kerajaan dan swasta melalui program lepasan ijazah, khususnya dalam bidang berkaitan sains dan teknologi bencana, aspek kemasyarakatan dan governans bencana.
- Menjadi pusat rujukan Asia Tenggara tentang isu sains dan governans bencana

Kini SEADPRI telah menawarkan program siswazah penyelidikan di peringkat Sarjana dan PhD yang melibatkan kajian berkaitan bencana dalam bidang-bidang berikut:

- Dasar dan Pengurusan Bencana
- Bencana Iklim
- Bencana Geologi
- Bencana Teknologi

B. Program yang ditawarkan

Sarjana Kajian Bencana

Pengkhususan dalam :

- Dasar dan Pengurusan Bencana
- Bencana Iklim
- Bencana Geologi
- Bencana Teknologi

Doktor Falsafah

Pengkhususan dalam :

- Dasar dan Pengurusan Bencana
- Bencana Iklim
- Bencana Geologi
- Bencana Teknologi

C. Syarat Kemasukan

Ijazah Sarjana

- Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang berkaitan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan PNGK >2.75 atau universiti lain yang diiktiraf oleh Senat

ATAU

- Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang berkaitan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan PNGK <2.75 atau universiti lain yang diiktiraf oleh Senat dengan sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman dalam bidang berkaitan

Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

- Sarjana dalam bidang berkaitan dari Universiti Kebangsaan Malaysia atau universiti lain yang diiktiraf oleh Senat.

ATAU

- Sedang mengikuti program sarjana dalam bidang berkenaan di UKM dan diperakui oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status kepada program Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat UKM

ATAU

- Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang berkenaan dari UKM atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM dan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) ≥ 3.70

D. Struktur Kurikulum

Bagi calon Sarjana dan PhD:

- Penyelidikan dan tesis sahaja
- Semua calon dikehendaki mengambil kursus SFTH6014 Kaedah Penyelidikan

E. Keperluan Bahasa

Bagi calon dari luar negara, keperluan bagi Bahasa Inggeris ialah lulus TOEFL berasaskan kertas (minimum 587), TOEFL berasaskan Internet (minimum 95) **ATAU** IELTS (minimum band 7)

F. Jenis Pengajian

Pengajian Sarjana dan PhD dilakukan dalam bentuk penyelidikan dan penyediaan tesis sahaja.

G. Pengurniaan Ijazah

Ijazah diberikan kepada calon yang berjaya berdasarkan:

- Syarat yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah Universiti.
- Syarat yang ditetapkan oleh SEADPRI.
- Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Pemeriksa Siswazah dan diluluskan oleh Senat.
- Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

H. Tempoh Pengajian

Program	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Sarjana	2-4 Semester	4-8 Semester
Doktor Falsafah (PhD)	6-12 Semester	8-14 Semester

Bagaimana Untuk Memohon?

Calon yang berminat boleh membuat permohonan secara atas talian di www.ukm.my/application/pps. Borang permohonan juga boleh diperolehi dari Pusat Pengurusan Siswazah. Permohonan juga boleh dibuat dengan memuat turun borang dari laman berikut www.ukm.my/pps. Borang yang telah lengkap beserta dokumen sijil yang berkaitan boleh dihantar kepada:

**PENGARAH
PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.**

Dokumen yang diperlukan perlu dihantar dalam **dua salinan**. Setiap permohonan mestilah disertakan yuran proses permohonan sebanyak RM20.00 bagi warganegara Malaysia (US\$30 bagi pemohon antarabangsa) atau RM100.00 bagi bukan warganegara Malaysia. Bayaran hendaklah dibuat secara Kiriman Wang Pos/Bank Draf dan dibayar atas nama "Bendahari UKM", No. Akaun 1218-0005004-05-8 (CIMB Bank Berhad) (swift code=BCBMMYKL) (*dengan disertakan bank slip*).

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Tel: +603-8921 5338/4515/4516

Fax: +603-89252699

E-mail: dpps@ukm.my, ppps@ukm.my

Tel: +603-8921 4852/4853/4855/4858

Fax: +603-8927 5629

Email: seadpri@ukm.my